



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Sengaja Politikkan Pelaburan KWSP](#)

Berita Harian - Sengaja Politikkan Pelaburan KWSP

🕒 Jumaat, Sep 15 2017



'Sengaja politikkan pelaburan KWSP'

BH 15/9

➔ Pelaburan luar negara bantu pulangan tinggi sekali gus beri dividen lebih baik kepada pencarum

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pembangkit seolah-olah tidak peka atau sengaja mahu mencetuskan kemarahan rakyat dengan mempolitikkan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Amerika Syarikat (AS) dan pembelian pesawat buatan AS oleh Malaysia Airlines Berhad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, berkata beliau tidak percaya apabila ramai pemimpin pembangkang seolah-olah terkejut dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bahawa Malaysia juga menyumbang kepada aliran perdagangan dan pelaburan AS.

"Mereka seolah-olah tidak pernah membaca berita sejak beberapa tahun yang lalu. Contohnya, mereka terkejut apabila mendapat tahu bahawa KWSP sudah pun membuat pelaburan berjumlah AS\$7 bilion di dalam pasaran ekuiti AS dan mempunyai perancangan untuk menambah pelaburan hingga AS\$3 bilion.

"Sejak beberapa tahun lalu, KWSP mengeluarkan beberapa ke-

nyataan yang menunjukkan bahawa mereka sudah mempelbagaikan pelaburan di luar negara. Ini adalah untuk mengurangkan risiko dan memaksimumkan pulangan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Abdul Rahman berkata, setakat suku pertama 2017 jumlah aset pelaburan KWSP mencecah RM747 bilion, yang mana nilai pasaran semua syarikat tersenarai di Bursa Malaysia adalah sekitar RM1.7 trilion.

Keperluan pelaburan asing

Disebabkan saiz dana KWSP yang begitu besar, beliau berkata, pelaburan asing adalah suatu keperluan dan bukan hanya sekadar pilihan.

Sehubungan itu, beliau menjelaskan KWSP membatalkan seketan ke atas 30 peratus had pelaburan asing untuk Skim Pelaburan Ahli KWSP dan membenarkan ahli melabur sepenuhnya di dalam pelaburan luar negara.

"Keputusan menunjukkan pelaburan luar negara yang mewakili 29 peratus daripada jumlah pelaburan KWSP menyumbang kepada 37 peratus pulangan pelaburan dalam suku pertama 2017.

"Sepanjang dua tahun lalu,



Sejak beberapa tahun lalu, KWSP mengeluarkan beberapa kenyataan yang menunjukkan bahawa mereka sudah mempelbagaikan pelaburan di luar negara. Ini adalah untuk mengurangkan risiko dan memaksimumkan pulangan"

Abdul Rahman Dahlan,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

KWSP secara khususnya menyebut bahawa pulangan pelaburan luar negara yang memberangsangkan membolehkannya memberi dividen yang baik walaupun berdepan dengan pasaran domestik yang perlahan. Ia mengejutkan apabila ahli politik pembangkang seolah-olah tidak sedar dengan perkara ini," katanya.

Berhubung pelaburan Malaysia Airlines yang bakal membeli pesawat Boeing, Abdul Rahman menegaskan ia bukanlah perkembangan atau berita baharu.

Katanya, pada Julai 2016, sudah dilaporkan secara meluas bahawa MAB sudah memeterai perjanjian untuk membeli 50 buah pesawat Boeing 737 MAX dengan pesanan untuk 25 pesawat dan hak untuk membeli 25 lagi pesawat di dalam urus niaga yang dinilai sejumlah AS\$5.5 bilion pada harga disenaraikan.

"Pada Ogos lalu, media melaporkan dengan kejayaan penstrukturan semula Malaysia Airlines dan pertumbuhan memberangsangkan, ia berada di dalam perbincangan mendalam untuk membeli 30 buah pesawat Boeing 786 atau pesawat Airbus untuk membolehkan Malaysia Airlines terus mengembangkan laluan udara dan perniagaannya," katanya.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**